

---

## SIARAN MEDIA

### TIADA PENETAPAN HARGA JUALAN SEMULA BAGI PRODUK COCA-COLA

**KUALA LUMPUR, 7 OKTOBER 2019** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") tidak menemui sebarang bukti pelanggaran berhubung dengan notis kenaikan harga minuman Coca-Cola yang dikeluarkan kepada pasar raya dan pasar raya besar di Semenanjung Malaysia sebelum pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018.

Penyiasatan dijalankan atas arahan Menteri (mengikut Seksyen 14 (1) AP 2010) untuk menyiasat notis yang dikeluarkan oleh Coca-Cola Bottlers (Malaysia) Sdn Bhd dan Coca-Cola Refreshments Malaysia Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai Coca-Cola) pada bulan Julai 2018 yang mengandungi harga penjualan semula yang disyorkan bagi pelbagai jenis minuman Coca-Cola untuk dijual kepada peruncit dan harga yang disyorkan kepada pengguna.

MyCC meneliti sama ada harga tersebut mempunyai keupayaan untuk menyekat pasar raya dan pasaraya besar termasuk pelanggan mereka untuk menentukan harga jualan semula mereka secara bebas. Selepas siasatan terperinci, MyCC menyimpulkan bahawa Coca-Cola dan pasar raya atau pasaraya besar tidak terlibat dalam sebarang perjanjian menegak yang mungkin akan menyebabkan kesan negatif ke atas pasaran.

Siasatan selanjutnya mendedahkan bahawa tidak ada bukti untuk menunjukkan bahawa Coca-Cola telah mendorong pasar raya dan pasar raya besar dengan menyediakan insentif atau langkah promosi bagi menggalakkan mereka untuk mematuhi harga jualan semula atau harga pengguna yang disyorkan.

"MyCC mendapati bahawa harga yang dikenakan oleh pasaraya dan pasar raya besar di kawasan Lembah Klang berbeza-beza dan ia mungkin lebih rendah atau lebih tinggi daripada harga jualan semula atau harga pengguna yang disyorkan. MyCC mendapati bahawa Coca Cola tidak melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 dan oleh itu mengeluarkan dapatan tiada pelanggaran di bawah Seksyen 39 Akta tersebut," kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

--tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Khalijah Mazlan, Tel +603 2273 2277 (ext 702),

Email: [khalijah@mycc.gov.my](mailto:khalijah@mycc.gov.my)

**Bahagian Komunikasi dan Advokasi**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---

**NOTA PENGARANG:**

Maklumat mengenai Seksyen 4, Perjanjian Anti Persaingan di bawah Akta Persaingan 2010

**4. Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang**

(1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

(b) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;

(c) membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) pelaburan; atau

(d) melakukan tipuan bida,

disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

(3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungan bagi pelanggaran larangan itu.

---

**Maklumat mengenai Seksyen 14, Penyiasatan oleh Suruhanjaya di bawah Akta Persaingan 2010:**

**Penyiasatan oleh Suruhanjaya**

14. (1) Suruhanjaya boleh menjalankan apa-apa penyiasatan yang difikirkan suai manfaat oleh Suruhanjaya jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana larangan di bawah Akta ini atau mana-mana orang telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya hendaklah, atas arahan Menteri, menyiasat apa-apa pelanggaran yang disyaki terhadap mana-mana larangan atau pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

**Maklumat mengenai Seksyen 39, keputusan oleh Suruhanjaya**

**Dapatkan tiada pelanggaran**

39. Jika Suruhanjaya telah membuat keputusan bahawa tiada pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, Suruhanjaya hendaklah, tanpa kelengahan, memberikan notis keputusan itu kepada mana-mana orang yang tersentuh oleh keputusan itu menyatakan fakta yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusannya dan sebab Suruhanjaya membuat keputusan itu.